

08 OCT 2001

AMERIKA-AHLI PERNIAGAAN

AHLI PERNIAGAAN AMERIKA BERHATI-HATI DI ASEAN

Oleh: Salmy Hashim

WASHINGTON, 8 Okt (Bernama) -- Suasana "berhati-hati" melanda syarikat-syarikat Amerika yang mempunyai kepentingan di Asia Tenggara berikutan serangan nekad oleh perampas-perampas kapal terbang ke atas Pusat Dagangan Dunia dan Pentagon 11 September lalu.

Dengan ekonomi Amerika dilanda kemelesetan dan Amerika Syarikat pula melancarkan peperangan terhadap penganas di Afghanistan bermula Sabtu lalu, peramal-peramal ekonomi menjangkakan masa depan yang muram.

Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) meramalkan pertumbuhan ekonomi yang lebih rendah di rantau Asean berikutan serangan 11 September itu, tetapi penganalisis-penganalisis percaya bahawa keadaan akan lebih teruk daripada ramalan-ramalan ini memandangkan kesan negatif yang dijangkakan ke atas AS dan seluruh dunia ekoran serangan-serangan itu.

IMF meramalkan bahawa pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK) Malaysia akan turun kepada 1.0 peratus pada tahun 2001 daripada pertumbuhan kukuh 8.3 peratus pada tahun 2000, tetapi meningkat kepada 4.8 peratus pada tahun 2002.

Pertumbuhan Indonesia dijangka menyederhana kepada 3.0 peratus pada tahun 2001 tetapi meningkat kepada 4.3 peratus tahun depan, Thailand daripada 2.0 tahun ini kepada 4.0 peratus tahun depan, manakala Singapura daripada kadar lembap -0.2 peratus tahun ini kepada kadar lebih kukuh 4.0 pada tahun 2002.

Dalam satu perbincangan dengan wartawan-wartawan di sini lewat minggu lalu, Presiden Majlis Perniagaan AS-Asean, Ernest Z. Bower berkata, syarikat-syarikat yang telahpun melabur di rantau Asean "tidak akan berundur" secara besar-besaran kerana "mereka tahu cara sistem beroperasi" tetapi pelabur-pelabur baru atau bakal-bakal pelabur amat bimbang tentang kehadiran kumpulan-kumpulan pelampau Islam dan ancaman terhadap rakyat Amerika di negara-negara seperti Indonesia.

Indonesia mengalami pengaliran keluar besar-besaran pelaburan langsung asing (FDI) sebanyak AS\$2.7 juta (AS\$1 = RM3.8) pada tahun 1999 dan AS\$4.6 juta pada tahun 2000. Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam menyaksikan penyusutan FDI.

Namun begitu, Malaysia mengalami lonjakan FDI daripada AS\$3.5 juta pada tahun 1999 kepada AS\$5.5 juta pada tahun 2000.

Asean secara kolektif telah menyaksikan kejatuhan tahap mutlak aliran FDI sejak tahun 1997.

Menurut data Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perdagangan dan Pembangunan (UNCTAD) yang dikeluarkan pada bulan September, jumlah pengaliran masuk FDI ke Asean tidak sampai setengah daripada tahap yang dialaminya pada tahun 1997.

Agihan FDI Asean sebagai sebahagian daripada keseluruhan FDI yang mengalir masuk ke negara-negara membangun juga terus susut, kerana wang pelaburan kebanyakannya menghala ke China dan Hong Kong.

Selain itu, syarikat-syarikat multinasional terus melabur di Hong Kong dalam usaha memantapkan kedudukan mereka bagi kemasukan China dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Menurut Majlis Perniagaan AS-Asean, walaupun eksport AS ke Asean meningkat secara sedikit dalam tujuh bulan pertama tahun ini berbanding tempoh yang sama tahun lalu, data perbandingan suku-ke-suku tahun menunjukkan bahawa eksport AS semakin susut.

"Oleh yang demikian, ada kemungkinan, ekoran serangan-serangan

pengganas itu, jumlah eksport AS ke Asean tahun ini akan susut ke bawah paras yang dicapai pada tahun 2000."

Dari segi import, ekonomi AS yang semakin lembap ternyata daripada penyusutan 6.0 peratus import AS dari rantau ini, daripada AS\$48 juta (Januari-Julai 2000) kepada AS\$45 juta (Januari-Julai 2001).

Majlis itu juga mendapati nisbah perdagangan luar negara berbanding KDNK yang amat tinggi di kalangan ekonomi-ekonomi Asean.

Dalam kes Singapura (289 peratus) dan Malaysia (196 peratus), ia jauh melebihi 100 peratus, manakala di kebanyakan negara Asean yang lain, ia mencapai dua angka yang tinggi.

Oleh itu, kelembapan pertumbuhan ekonomi dunia mempunyai "kesan nyata" bagi ekonomi-ekonomi yang bergantung kepada eksport ini, kata majlis itu.

Dalam tujuh bulan pertama tahun ini, Malaysia menyaksikan penyusutan eksport ke AS sebanyak 7.0 peratus kepada AS\$12.9 juta daripada AS\$3.8 juta dalam tempoh yang sama tahun lalu.

Eksport AS ke Malaysia juga susut sebanyak 7.0 peratus dalam tempoh yang sama, daripada AS\$6 juta tahun lalu kepada AS\$5.6 juta tahun ini.

Sementara itu, Bower berkata beliau memberikan penarafan "B+" kepada pentadbiran Bush pada masa ini dalam hubungannya dengan negara-negara Asean.

Katanya, penarafan itu boleh dipertingkatkan kepada "A" jika pentadbiran AS menjalinkan hubungan dengan lebih ramai pemimpin di rantau ini.

Bush telah menemui Perdana Menteri Goh Chok Tong pada bulan Jun dan Presiden Megawati berikutan serangan 11 September di Washington.

Bush menghubungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melalui telefon minggu lalu, dan kedua-dua pemimpin itu merancang untuk mengadakan perbincangan dua hala di Shanghai pada sidang kemuncak pemimpin-pemimpin Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) November ini.

Bower berkata bahawa beliau ingin melihat hubungan ekonomi yang lebih erat antara AS dan Asean seperti yang wujud antara pertumbuhan serantau itu dengan negara-negara Eropah, dan juga Asean Campur 3 dengan China, Jepun dan Korea Selatan.

"Hubungan AS-Asean tidak seiringan perkembangan dan perlu diperkukuhkan," katanya. -- BERNAMA

SH FR KY AA